

Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor

Mariam binti Abd.Majid
mariam@kuis.edu.my

Sahlawati Abu Bakar
sahlawati@kuis.edu.my

Safinah Ismail
safinah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Zabidi Abd. Razak
zabidi@um.edu.my
Universiti Malaya

ABSTRAK

Institusi pondok semakin pesat berkembang di seluruh negeri di Malaysia pada hari ini. Penghijrahan warga emas ke institusi pondok bagi tujuan menuntut ilmu semakin diterima masyarakat. Artikel ini menjelaskan berkaitan program pendidikan warga emas yang dilaksanakan di pondok Al-Jenderami di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap seorang pentadbir, seorang orang guru, tiga orang warga emas dan seorang anggota masyarakat setempat yang tinggal berhampiran pondok. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Transkripsi yang lengkap menghasilkan pembentukan tema-tema bagi dapatan kajian. Pelaksanaan program pendidikan warga emas di institusi pondok ini difokuskan terhadap lima aspek iaitu iaitu matlamat, matapelajaran, kaedah, masa dan jenis pengajaran. Hasil kajian mendapati matlamat pengajian warga emas di pondok ialah untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT, menuntut ilmu serta beramal, mata pelajaran yang dipelajari berkaitan akidah, fekah, al-Quran, tajwid yang berteraskan penekanan tasawuf, kaedah pengajian warga emas yang dilaksanakan di pondok mengambilkira tahap dan keadaan warga emas iaitu secara beransur-ansur, tidak memberatkan, memastikan ilmu dipelajari diamalkan, menekankan tarbiyyah rohani, pembersihan hati, pendidikan secara langsung daripada tok guru, aplikasi komunikasi dua hala, kaedah pengulangan, pengajian kitab kuning, pelaksanaan amali, bahasa yang mudah difahami, penyampaian jelas dan disertakan contoh bagi topik agar warga emas dapat memahami pengajian manakala kelas pengajian dijalankan mengikut jadual dan disusun berlainan mata pelajaran setiap hari. Pengajian di pondok ini dilaksanakan secara teori dan amali. Dapatan ini diharapkan dapat dimanfaatkan sebagai panduan kepada pelbagai pihak dalam menyediakan program pendidikan bagi golongan warga emas.

Kata Kunci: Program Pendidikan, Warga Emas, Institusi Pondok, Al Jenderami, Selangor

Senior Citizen Education at Pondok Al-Jenderami Institution, Selangor

ABSTRACT

The Pondok Institution or Sekolah Pondok is widely expanding in Malaysia nowadays. The migration of Senior Citizen to this institution for the purpose of pursuing knowledge is increasingly accepted by the community. This article describes the senior citizen educational program, implemented in Pondok Al-Jenderami. This study method is qualitative adopting the case study design. Survey data was obtained through the semi structured interview from one Pondok administrator, a teacher, three senior citizens and one local community member living near the institution. All survey informants were selected through a purposive sampling method while the data were analyzed descriptively. Complete transcription results in the formation of themes for research findings. The implementation of senior citizen education program here is focused on five aspects which are goals, subject, method, time and type of teaching. The findings suggest that the goal of senior citizens studying in this institution is to get closer to Allah SWT, learn and practicing the thoughts. The subjects learned are akidah, fiqh, al-Quran and tajwid emphasising tasawuf discipline base. The learning method takes into account the level and condition of the elderly, gradual, practising the knowledge, emphasizing spiritual target, internal heart cleanliness, direct education method with the preacher, two ways communication, repeating method, yellow kitab education, practical exercises, easy-to-understand language, clear presentation with illustrated examples of topics for senior citizen to understand their studies while classes are carried out on a daily basis and arranged according to subject differently. The study in this institution is implemented in theory and practise. These findings serve as a guide to various parties in providing education programs for senior citizens.

Keywords: Education Program, Senior Citizen, Pondok institution, Al Jenderami, Selangor

Received: 26 December 2017

Accepted: 26 December 2017

Online Published: 31 December 2017

PENDAHULUAN

Persoalan warga emas menjadi antara isu penting dalam pelan pembangunan negara pada hari ini. Trend peningkatan bilangan warga emas dan penurunan golongan muda yang berusia kurang dari 14 tahun di Malaysia telah dikesan semenjak tahun 1970-an lagi (Norafzan, 2008). Menjelang tahun 2020 ledakan warga emas di Malaysia dijangka meningkat kepada 3.2 juta orang. Golongan warga emas berhadapan dengan banyak perubahan antaranya peranan, fizikal, psikologi, sosial dan keupayaan diri. Tidak kurang juga kedapatan sebahagian golongan warga emas yang mengalami keadaan kesepian dan kemurungan dalam usia tua. Keadaan ini mungkin disebabkan hidup bersendirian, kurang hubungan akrab keluarga, budaya serta ketidakupayaan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan (Singh & Misra, 2009). Peningkatan komposisi penduduk tua ini menuntut keprihatinan semua pihak

dalam menyediakan lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan (Syed & Mustafa, 2013) bagi memenuhi keperluan mereka yang sudah tua (Che Leman, 1995).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Terdapat rumah-rumah Seri Kenangan telah dibina di seluruh negara sebagai penempatan golongan warga emas, namun pada hari ini, terdapat kecenderungan yang tinggi segolongan warga emas yang memilih untuk ke institusi pondok-pondok berbanding ke rumah-rumah Seri Kenangan yang didirikan. Golongan warga emas pasti mempunyai tujuan tertentu kecenderungan mereka ke institusi pondok. Mariam (1996) mendapati antara faktor penghijrahan warga emas ke institusi pondok bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan. Ini membuktikan bahawa pendidikan merupakan antara salah satu aspek penting dalam hierarki keperluan manusia semua lapisan peringkat umur iaitu dari kecil sehinggalah ke usia tua seseorang.

Peningkatan jumlah institusi pondok yang wujud kini membuktikan kepesatan pembinaannya. Fenomena ini sekaligus menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan tinggi dalam kalangan golongan warga emas melakukan penghijrahan dari tinggal di rumah atau kampung halaman mahu pun keluarga ke institusi pondok. Institusi pondok ini wujud sejak sekian lama dan telah mendapat sambutan masyarakat. Institusi pondok diasaskan oleh tokoh-tokoh agama atau dikenali sebagai "Tok Guru" secara ikhlas tanpa sumbangan daripada mana-mana pihak untuk nafkah hidup mereka atau perbelanjaan pembinaan tempat (Mahamabookhoree, 2001).

Antara tujuan institusi pondok ditubuhkan bertujuan menjadi platform dalam memberi pendidikan termasuk golongan warga emas. Ia merupakan antara usaha bagi menyediakan pelbagai persiapan yang perlu sebagai bekalan kepada warga emas terutamanya dalam pengamalan agama bagi memenuhi keperluan rohani mereka. Selain itu, pengijrahan warga emas ke institusi pondok ini menjadi antara usaha bagi mengatasi permasalahan berkaitan warga emas yang mengalami kekangan dalam mengamalkan amalan agama secara sempurna dengan kata lain pengamalan agama dalam kalangan warga emas yang terbatas (Elmi & Zainab, 2013).

Pondok al-Jenderami merupakan sebuah institusi pondok yang menawarkan program pendidikan. Ia yang ditubuhkan pada tahun 2003 merupakan antara institusi pondok yang menyediakan program pengajian bagi golongan warga emas tersohor di Negeri Selangor. Sehubungan itu, penulisan ini difokuskan terhadap program pendidikan warga emas yang dilaksanakan di institusi pondok al-Jenderami, Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Institusi pondok al-Jenderami dipilih menerusi kaedah persampelan bertujuan iaitu sebuah institusi pondok tersohor dan menawarkan program pengajian kepada golongan warga emas. Data kajian dikumpulkan menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap informen yang mewakili

pihak pentadbiran pondok yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran pondok, tenaga pengajar yang mengajar warga emas di pondok, warga emas yang mengikuti program pendidikan di pondok serta masyarakat setempat berhampiran pondok. Data kajian dianalisis secara deskriptif setelah melengkapkan transkripsi, proses membentuk tema dan penyusunan data yang dilakukan dengan terperinci.

PONDOK AL JENDERAMI SELANGOR

Yayasan al-Jenderami adalah merupakan satu badan bukan kerajaan (NGO) ditubuh pada 23 Jun 2003 di bawah Akta Syarikat 1965 No Syarikat 619317-K. Bermula dengan sebuah pusat pengajian Islam (sistem tradisional) di Desa Jenderam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, ia kini telah dihipit oleh rangkaian pembangunan moden Putrajaya, Cyberjaya, Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mencetuskan anjakan paradigma seterusnya mengubah pusat ini kepada sebuah yayasan dengan organisasi lebih tersusun sebagai langkah untuk memastikan ia mengikuti peredaran masa dan tuntutan persekitaran. Walau bagaimanapun, Yayasan Al-Jenderami tetap kekal sebagai sebuah organisasi yang berpegang teguh pada landasan Islam. Yayasan Al-Jenderami diterajui oleh barisan kepimpinan yang berwibawa, dinamik dan mempunyai wawasan yang tinggi. Mereka menyandang tanggungjawab yang besar bagi mencapai matlamat yayasan ini menerusi pelbagai aktiviti yang telah, sedang dan bakal dilangsungkan.

Yayasan Al-Jenderami bermatlamat untuk mengumpul, menjana dan mengurus dana bagi tujuan keagamaan, kebudayaan, pendidikan, sosial dan kebajikan bagi umat Islam khususnya dan sekalian manusia amnya. Antara misi yang dibawa oleh Al-Jenderami adalah pembangunan ekonomi dan pelaburan, pembangunan pendidikan seperti dalam bidang agama, akademik, kemahiran dan teknologi maklumat. Selain itu, Yayasan al-Jenderami juga bercita-cita melahirkan pembangunan insan, media dan perhubungan awam, dana, hubungan serantau dan kemanusiaan serta urus baik dalam pentadbiran dan penyelenggaraan.

PROGRAM PENDIDIKAN WARGA EMAS DI PONDOK

Penerangan berkaitan program pendidikan warga emas di pondok Yayasan Al-Jenderami ini di fokuskan terhadap empat aspek iaitu matlamat pengajian warga emas, matapelajaran yang dipelajari, kaedah pengajian, masa pengajian serta jenis pengajian warga emas di pondok Al-Jenderami.

Matlamat Pengajian

Matlamat pengajian warga emas ke pondok secara asasnya adalah untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT. Menurut seorang seorang penyelia yang bertanggungjawab menguruskan warga emas di pondok menjelaskan mengenai tujuan pengajian bagi warga emas dalam temubual yang diadakan, *“Pendidikan model kita ini untuk pembentukan diri dia sebagai seorang insan yang soleh dan solehahnya at the end is the result itu bergantung kepada dia,*

always at the end itu dia sendiri” “kalau niat dia memang nak kan akhir hidup di sini nak mati dalam sunnah wal jamaah, dalam menuntut ilmu, maka dia dapatlah..... majoriti dapatlah”.

Pihak pondok sedaya upaya berusaha memastikan matlamat sesi pembelajaran warga emas di pondok dapat dicapai. Ini dinyatakan dalam kenyataannya, ***“Kita kena lihat the whole life of warga emas, kita nak jadikan satu kehidupan yang dipenuhi dengan amal ibadat, dipenuhi dengan belajar menuntut ilmu, dipenuhi dengan amal-amal soleh”***. Secara keseluruhannya, matlamat pengajian warga emas dipondok diharap dapat ditonjokan dalam keseluruhan kehidupan sebagai seorang muslim soleh.

Selain itu, penghijrahan warga emas ke pondok mengharapkan dapat merealisasikan pengakhiran husnul khatimah, Ini dijelaskan dalam temubual yang diadakan bersama pentadbir pondok al-Jenderami, ***“kita sebenarnya nak warga emas ini, memperolehi husnul khatimah, itu kita punya cita cita untuk dia dan juga untuk kita sebenarnya, kerananya dia menghabiskan akhir hayat dia untuk beramal ibadat, menuntut ilmu, berwirid, berzikir, semoga Allah ta’ala menerima amal ibadat, dan menerima menjadi hamba yang soleh solehah dia mendapat syurga dari Allah ta’ala. Itu cita cita kita untuk dia sebenar”***

Pengajian warga emas di pondok diharapkan dapat menerapkan amal ibadah dengan baik kerana semasa di pondok, masa adalah perkara yang sangat berharga terutamanya apabila melibatkan pelaksanaan ibadah. Ini diakui oleh salah seorang warga emas di pondok menyatakan, ***“jika di pondok, kita memang berbeza, pada kita diluar, kat luar kalau waktu sembahyang, di sini kalau waktu zohor 12.40 kita dah di masjid”***.

Menurut warga emas yang ditemubual, masa di pondok memberi lebih peluang waktu untuk beribadah dengan lebih luas, sebagai contoh, jika di rumah, waktu solat tidak terjaga baik kerana mempunyai kerja-kerja yang perlu dibuat, namun berbeza jika berada di pondok masa itu lebih banyak tertumpu kepada ibadah di sekitar pondok.

Tujuan utama warga emas tinggal di pondok adalah untuk mempelajari ilmu agama. Justeru, warga emas menitikberatkan komitmen terhadap pengajian yang disediakan oleh pengurusan pondok. Hampir kesemua warga emas yang datang ke pondok kerana ingin mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam seperti pengajian asas bacaan Al-Quran dan belajar tajwid.

Temubual bersama imam menjelaskan pendapatnya berkaitan tujuan pengajian di jalankan di pondok adalah untuk melahirkan masyarakat celik ilmu. Ilmu yang dipelajari dapat disampaikan dan dikembangkan kepada generasi akan datang. Ke kerapian kelas memberi pengaruh kepada warga emas, kerana pada satu tahap, mereka dapat menerima input yang diajar jika sesi pembelajaran berlaku dalam jangka masa yang panjang. Antara matapelajaran yang disampaikan di pondok seperti bab sifat 20 dan zakat. Disamping itu, matlamat pengajian dapat dikembalikan kepada tujuan kehidupan sebagai hamba Allah SWT iaitu mencari ilmu agar dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian sebagai seorang muslim.

Demikianlah, matlamat pengajian warga emas di pondok bertujuan mendekatkan diri dengan Allah SWT, menjadikan kehidupan dipenuhi dengan amal ibadat, usaha menuntut ilmu. Selain

itu, kewujudan program pengajian warga emas di pondok mengharapkan warga emas memperoleh *husn al khatimah* dengan cara menghabiskan akhir hayat dalam beramal ibadat, menuntut ilmu, berwirid dan berzikir kerana ini semua adalah cita-cita warga emas sendiri. Warga emas di pondok bermujahadah dalam menuntut ilmu agama bagi mencapai matlamat agar menemui ajal dalam keadaan siap dengan bekalan akhirat.

Matapelajaran Dipelajari

Pondok al-Jenderami menyediakan beberapa mata pelajaran khusus bagi golongan warga emas iaitu mata pelajaran tasawuf, tauhid dan fekah. Temubual bersama wakil pentadbir pondok Yayasan al-Jenderami menjelaskan tentang mata pelajaran tersebut berkata ***“Setiap hari Isnin, ... hari Rabu...fikah.. tasawuf, kalau hari Sabtu itu, tauhid dan tasawuf. Bila warga emas pun masuk, ahli keluarga pun masuk.... Sentul, Shah Alam. Itupun ilmu yang diambil oleh warga emas lah. Bila lepas habis sembahyang maghrib sampai ke atas..mula lah kelas sampai lah pukul 10: 30.***

Kenyataan temubual di atas menjelaskan jadual pengajian bagi kesemua mata pelajaran tasawuf, tauhid dan fekah yang diajar kepada warga emas di pondok. Pada setiap hari Isnin dan Rabu, kelas pengajian matapelajaran fekah dan tasawuf dan pada hari Sabtu ialah mata pelajaran tauhid dan tasawuf.

Adalah dilihat pihak pondok al-Jenderami sangat menitikberatkan penerapan pengajian ilmu tasawuf dalam pemilihan mata pelajaran yang diajar kepada golongan warga emas di pondok ini. Salah seorang tenaga pengajar pondok ini menjelaskan ***“Kita nak jalan tasawuf itu mesti ada, dalam bidang ilmu tauhid, fikah, mesti ada tasawuf. Kalau tauhid dan fikah saja tak ada tasawuf itu, kemurnian itu tak ada, kemurnian itu, hati itu kena jaga. Dalam kita ilmu membawa ilmu ini dalam mengamalkan agama ini, kita kena jaga hati, jaga ibadat, jaga amal”***. Tenaga pengajar memberi contoh ***“belajar fekah, yang saya sempat juga lah masuk, iaitu fekah tentang pengurusan jenazah dari segi fekah nya kemudian dia mesti ada kaitkan dengan tasawuf, memang itu model pengajaran”***. Berdasarkan kenyataan temubual ini dapatlah disimpulkan bahawa pengajian di pondok sangat menitik beratkan aspek ilmu tasawuf khususnya dalam usaha menjaga hati, ibadah serta amal seseorang individu.

Perbincangan seterusnya difokuskan terhadap kitab yang dipelajari bagi golongan warga emas di pondok ini iaitu *Bahr al- Mazi, Siyar al-Salikin dan Dar al Sami`in*. Ini dijelaskan oleh salah seorang informen iaitu ***“kami hari Isnin Bahr al- Mazi...hari Rabu Siyar al-Salikin..... hari Sabtu Dar al Sami`in ...kitab tu.. tempat lain pun belajar juga...macam nenek belajar kat luar pun kitab tu ada belajar dulu....tapi cara penyampaian tu lain... masa nenek kar luar tu ustaz. Petani...dia orang petani...dia banyak loghat Kelantan..memang susah kalau orang yang tak tahu langsung,...”***

Tenaga pengajar bertanggungjawab menyediakan silibus pengajian kepada warga emas dengan baik supaya penyampaian dan penerimaan antara dua pihak berlaku dengan baik. Tenaga pengajar perlu mengetahui sukatan pembelajaran yang sesuai bagi golongan warga emas

kerana, faktor usia menyebabkan ada perkara terutamanya mata pelajaran yang susah untuk dipelajari, tidak dapat diikuti oleh warga emas.

Selain itu, golongan warga emas turut diajar mengamalkan wirid. Ini dijelaskan oleh pengajar di pondok menyatakan bahawa, *“Kalau dengan saya itu, dia ada wirid dengan ilmu, wirid itu hari Khamis untuk...fadhilat, rawatib dan kalau ada permintaan tahlil fida’ lailaha ilallah 7000, 2003 kita mula, ikut giliran. Masa itu warga emas kita ramai 100 lebih, 2 tahun untuk habiskan giliran tapi sekarang, masing masing buat untuk mak ayah diri sendiri, kalau tak ada kita ganti dengan asma al-husna. Itu semua wirid, wirid khas untuk warga emas.*

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa amalan wirid menjadi amalan harian bagi golongan warga emas di pondok al-Jenderami. Selain wirid harian, terdapat juga amalan melaksanakan wirid tahlil fida’ sebanyak 7000 kali bagi ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia yang dibuat secara giliran. Amalan ini telah mula dilaksanakan semenjak pada tahun 2003. Selain itu, kesemua wirid yang diamalkan oleh golongan warga emas di pondok ini adalah bersanad. Ini dijelaskan oleh salah seorang tenaga pengajar di pondok, *“Wirid sembahyang, wirid kita semua bersanad, ilmu ilmu kita semua bersanad, kalau pergi dekat galleri, dekat situ ada dua sanad, sanad ilmu dan sanad kitab. Kitab kitab kita ambil di pondok, ambil dari guru guru pondok lah”*

Berdasarkan temubual yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa matapelajaran yang diajarkan kepada golongan warga emas di Yayasan al-Jenderami merangkumi mata pelajaran akidah, fekah, al-Quran dan tajwid. Penerapan pengajian ilmu tasauf merentas semua ilmu pengajian yang dipelajari warga emas tersebut. Di samping itu, amalan wirid turut diberi penekanan dalam program pendidikan warga emas.

Kaedah Pengajian

Pemilihan kaedah pengajian yang sesuai kepada golongan warga emas sangat penting agar sesi pembelajaran dapat diterima oleh mereka. Kaedah pengajian terhadap warga emas di pondok al Jenderami dilaksanakan secara beransur-ansur. Temubual bersama salah seorang tenaga pengajar di pondok menjelaskan berkaitan kaedah pengajian yang diaplikasi terhadap warga emas di pondok, *“kita mendidik dia sedikit demi sedikit untuk dia beramal didik dan amal baru benda itu boleh dia absorb lah.”* Kaedah pengajian sedikit demi sedikit ini merupakan suatu kaedah yang sangat perlu serta sesuai dengan tahap dan keadaan warga emas.

Selain itu, kaedah pengajian warga emas diperkukuhkan dengan pelaksanaan amalan terhadap ilmu yang diberikan. Ini dijelaskan oleh tenaga pengajar warga emas di pondok al-Jenderami, *“jadi kerana itulah, kita memang ilmu yang kita bagi kepada warga emas ilmu untuk diamalkan”*. Oleh dengan itu *“dia nak beramal soleh macam kita bagi ilmu, kita selalu akan katakan...okay bonda-bonda nenek semua, lepas makan, bangun tidur itu pagi-pagi apa wirid nak dibaca amalan-amalan yang diambil daripada kita diamalkan. Kalau nak qiamulail macam mana qiamulail, nak baca Quran, kita bagi ilmu Quran, tajwid, tajwid pun tak boleh tajwid yang berat-berat, tajwid yang setakat menyempurnakan bacaan sahaja, semak-semak bacaan apa semua, siapa yang boleh belajar tajwid yang lebih tinggi baru, dia*

minat dan dia ada kumpulan, baru bagi dia kita bagi dia, dan ini pun atas usaha sendiri lah". Demikianlah berdasarkan temubual di atas, adalah dilihat golongan warga emas di pondok ini diajar satu persatu ilmu secara beransur-ansur seterusnya disarankan untuk diamalkan.

Selain itu, topik pengajian warga emas di pondok ini dipilih selaras dengan keupayaan warga emas seperti topik ilmu tajwid yang hendak diajarkan kepada warga emas di pondok ini bertujuan menyempurnakan bacaan mereka dan tidak memberatkan mereka. Namun, inisiatif bagi meningkatkan kefahaman dan kualiti bacaan al-Quran mereka tercetus daripada hasil kesediaan dan usaha mereka sendiri menerusi kumpulan rakan sebaya yang boleh membantu.

Kaedah pengajian warga emas di pondok al-Jenderami menekankan tarbiyyah rohani dalam kalangan para guru di pondok sendiri bukan tenaga pengajar yang diambil daripada luar pondok. Tenaga Pengajar menjelaskan bahawa *"Kita sebenarnya memang tapis lah, kita tak ambik daripada resource-resource yang diluar di pasaranlah. Kerana kita amat menitik beratkan tarbiah kepada pelajar-pelajar dan tarbiah kepada kakitangan kita disini"* *"Tarbiah cara sufilah, secara berguru. Kita ambil kaedah sufi dengan semuanya disini.*

Kaedah pendidikan sufi merupakan fokus pengajian warga emas di pondok sebagaimana dijelaskan oleh tenaga pengajar, *"Sufi ini adalah satu jalan ilmu yang menitikberatkan membersihkan hati jadi dalam amal ibadat kita itu, contohnya ibadat apa juga nak kita halangkan dari perasaan riak, ujub, dan sombong, nak kita masukkan sifat-sifat mahmudah dalam diri kita, nak kita buang sifat-sifat mazmumah apa semuanya"*. Kenyataan tenaga pengajar ini menjelaskan bahawa pendidikan di pondok mengutamakan aspek pembersihan hati dalam pengajian yang dilaksanakan.

Kepentingan penekanan pendidikan sufi atau rohani ini dalam semua pengajian di pondok ini dijelaskan lagi bahawa, *"tasawuf ini sangat penting kerana dia yang menjaga ruh ibadat itu, sebab ini ibadat fekah ini adalah tentang hukum-hakam, musaf ibadat, zahir ibadat, musaf ibadat batin itu adalah tasawuf. Tauhid ini mengenal pencipta, kepada siapa ibadat itu nak ditujukan. Fekah ini adalah tatacara ibadat kan, dan tasawuf ini yang nak menjaga ibadat itu, ruh ibadat itu. Tak ada tasawuf ibadat itu, ibadat yang cacatlah. Kita mempersembahkan sesuatu kepada Allah Ta'ala tetapi kita tak jaga content dia itu. Tapi itu proses yang lama lah untuk kita memperbaiki diri kita. Saya tak ada kata ia nya mudah, ia nya makan tahun kan. Imam Ghazali pun kata ... kena slow-slow banyak dugaan dan ujian dia"* .

Di samping itu, kaedah pengajian warga emas di pondok al-Jenderami berorientasikan tarbiyyah secara langsung daripada tok guru pondok. Tarbiyyah tok guru diterapkan terhadap seluruh kakitangan pentadbiran, tenaga pengajar sehinggalah kepada para pelajar di pondok, *"dia akan pergi kepada pentadbiran, dan akan pergi kepada tenaga pengajar dan dia akan pindahkan kepada murid-murid. Murid-murid itu pula daripada pelbagai golongan atau lapisan, Jemaah - itu terdiri daripada orang tua, masyarakat, kanak-kanak, orang muda, remaja, belia, orang dewasa. tapi kalau khusus set, pelajar-pelajar lah, pelajar remaja. Kelas-kelas pelajar sekolah agama , sekolah pondok, madrasah. Kalau orang tua, warga emas, dia ada kelas-kelas tersendiri la , kelas khas untuk warga emas."* Demikianlah, adalah

dilihat tarbiyyah tok guru diterima secara langsung oleh seluruh warga pondok dan mempunyai pengaruh yang sangat kuat.

Komunikasi dua hala penting khususnya dalam pelaksanaan pengajian bagi golongan warga emas. Faktor usia menjadikan cara pembelajaran terhadap golongan warga emas perlu disampaikan satu-persatu dan dalam suasana yang tenang kerana warga emas mudah mengalami gangguan emosi sekiranya mereka tidak dapat menerima pengajian dengan kaedah yang sesuai.

Kaedah pengulangan merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang dilaksanakan dalam pengajian warga emas di pondok al-Jenderami. Pengulangan bertujuan agar pengajian dapat difahami dengan baik. Di pondok Yayasan al-Jenderami, pembelajaran disampaikan oleh tok guru dan diulang penjelasannya oleh ustazah kepada mereka. Ini diakui menerusi temubual pengkaji dengan salah seorang warga emas di pondok yang menceritakan berkaitan pengajian mereka, *“kalau dengan ustazah ni sampai bersanadlah.. peringkat bawah tu ada yang baru belajar...ada yang tak kenal...selepas subuh...pastu pengajian dengan tuan guru hari malam je...Hari Isnin, Rabu, Sabtu..kalau dengan ustazah hari Khamis, Jumaat..ada satu tambahan ustaz tu..hari Rabu..petang pukul 3.. fekah, tauhid, fardu ain, tasawwuf.. semua tu belajar.. sebab kita nie ada beberapa kategori yang ada... walaupun kadang-kadang dah tua kadang tak faham.....ustazah ulang-ulang....amalan solat, bab suci”*.

Disamping itu, pelaksanaan pengajian warga emas dengan pengulangan pengajaran sangat diperlukan dalam sistem pengajaran di pondok kerana masalah yang wujud dalam kalangan warga emas di pondok ialah warga emas yang berhenti dan diganti dengan kehadiran warga emas yang baru ke pondok. Ini dinyatakan oleh salah seorang warga emas, *“kadang ulang balik...kadang-kadang tukar buku...kadang kita nie orang datang tak serentak...ada yang keluar ada yang baru masuk.. jadi ada yang baru tu ada yang kurang memahami.. beritahu ustazah untuk ulang balik....kadang-kadang tengok... yang lama nie ..untuk bertambah..untuk menambah terang untuk kita lagi..”*

Kaedah pengajian di pondok mengaplikasi pengajian berasaskan kitab kuning. Tok Guru membaca dua atau tiga baris ayat dalam kitab kuning dan seterusnya menghuraikan pengertian perenggan tersebut. Ini dinyatakan berkaitannya oleh salah seorang warga emas di pondok, *“ia sebenarnya ustaz baca... cara kitab kuning nie tak sama macam kita belajar buku..kitab kuning nie...ustaz baca dalam 2 3 baris lepas tu dia terang..ustaz akan huraikan segala apa..kita dengarlah....tengok jugak buku..ada juga yang takde kitab..dengar jelah..kadang-kadang ada juga orang yang cakap..apalah ustaz nie baca 2 baris bercakap je..tapi kalau kitab kuning memang macam itu”*“macam ustaz kami dia baca dia huraikan”“kalau ustaz ..tuan guru ..dia syarah kitab kuning la...”

Selain penjelasan terhadap huraian kitab yang digunakan, pengajian warga emas turut memerlukan penerangan berkaitan cara pelaksanaan yang ditunjukkan dengan perbuatan terutama pengajian berkaitan fekah. Ini dinyatakan, *“kalau ustazah fardu ain tu...dia ikut kitab jugalah..tapi dia.. macam kita solat ke apa... ..contohnya kita tak tahu kadang-kadang duduk tu macam mana ..dia tunjuk...buat sini..buat kat rumah.dia tunjuk...praktikal..tunjuk kat dewan ... dia panggillah model 2 3 orang”*

Salah satu pendekatan pengajian yang diaplikasi di pondok al-Jenderami ialah penyesuaian bahasa pengajaran dengan lokasi sesebuah pondok. Di pondok al-Jenderami, bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu yang boleh difahami oleh semua orang, *“bagi kami disini nie...kalau kata kita duduk Kelantan tuan guru cakap Kelantan...bahasa....kalau kat sini..orang Kelantan datang punstill on Malaysia...jadi...bahasa melayu yang biasa dipakai....jadi orang mudah..ada kawan kami yang duduk di pondok kat sejangkang..ustaz dia cakap jawa Kalau kita bukan jawa..tahu ke..tak kan faham sepatah pun..jadi keistimewaan tu...semua orang boleh datang sini..semua bahasa datang...semua bangsa dengan satu Bahasa yang ustaz mudah orang faham.....”*

Kaedah pengajian yang disampaikan oleh para guru kepada warga emas adalah dengan lebih teliti terutama dari aspek penyampaian bagi memastikan ilmu tersebut diterima dengan faham oleh warga emas. Jika terdapat kekeliruan dalam sesi pembelajaran tersebut, para tenaga pengajar akan mengulanginya sehingga warga emas memahami.

Demikianlah disimpulkan bahawa kaedah pengajian yang diaplikasi terhadap warga emas di pondok al-Jenderami ialah mengambil kira tahap dan keadaan warga emas, dilaksanakan secara beransur-ansur, tidak memberatkan, memastikan ilmu yang dipelajari diamalkan oleh warga emas, menekankan tarbiyyah rohani, menekankan pembersihan hati, pendidikan secara langsung daripada tok guru, mengaplikasi komunikasi dua hala, kaedah pengulangan, membaca dan membuat huraian kitab kuning, menunjukkan kaedah pelaksanaan ilmu yang dipelajari dan pemilihan bahasa yang mudah difahami mengikut lokasi setempat.

Masa Pengajian

Warga emas mengikut jadual harian yang telah ditetapkan oleh pengurusan pondok. Jadual tersebut disusun dari pagi hingga ke malam sama ada dari sudut pembelajaran, solat jemaah, kuliah agama, makan dan waktu rehat. Kuliah agama menggunakan kitab diadakan pada waktu antara solat Maghrib dan Isyak.

Pada setiap hari Isnin dan Rabu pengajian disampaikan adalah mata pelajaran feqah, tasawuf, manakala pada hari Sabtu mata pelajarannya adalah tauhid dan tasawuf. Selepas waktu Maghrib sehingga jam 10.30 malam, terdapat kuliah-kuliah agama yang dijalankan. Wirid diamalkan oleh warga emas di pondok al-Jenderami terutamanya selepas solat maghrib.

Jadual pengajian di pondok adalah berlainan pada setiap hari iaitu dan tidak hanya satu subjek dipelajari dari pagi sehingga petang. Demikianlah, rutin harian serta masa pengajian warga emas dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Jenis Pengajaran

Jenis pengajaran warga emas dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu teori dan amali. Pengajaran teori diadakan di kelas-kelas pengajian atau di surau manakala pengajaran amali dilaksanakan dengan mengendalikan majlis-majlis seperti majlis hari lahir, tahlil keluarga dan majlis jamuan. Ini dijelaskan dalam temubual, *“penyampaian pendidikan itu, tidak hanya pendidikan di*

kelas, pendidikan itu juga boleh datang daripada majlis-majlis yang kita anjurkan disini.”
“Kita jangan hanya tumpu pendidikan keagamaan, pendidikan untuk kelas sahaja, tak, ia boring, one way.tapi bukan nak kata one way, tapi metode itu , tak boleh metode yang sama. That way, ada majlis kita panggil ulama datang, jadi tak adalah jemu seorang guru. Kena banyakkkan majlis-majlis ulama, and then libatkan dia dalam aktiviti- aktiviti yang pendidikan itu dalam bentuk yang informal. Kadang-kadang kita nak mengajar, mengajar pelajar sekolah sekali pun, tak semestinya pendidikan kita di dalam kelas , kadang-kadang kita buat dalam bentuk sambutan hari jadi, nak menerapkan konsep kasih sayang sama dia orang. Kita buat, bila ada majlis tahlil keluarga –keluarga ada bersama sama kan, buat majlis hari jadi untuk dia kan. Masak, makan bersama.. ada ni la nak diterapkan disitu.”

Demikianlah pengajaran warga emas di pondok al-Jenderami ini tidak hanya dilaksanakan secara teori di dalam kelas malahan turut diadakan dalam bentuk amali iaitu melalui penganjuran majlis-majlis bertujuan mengelakkan rasa jemu dalam kalangan warga emas di samping mewujudkan kepelbagaian pendekatan penyampaian pengajaran untuk warga emas. Di samping itu, pihak pondok turut mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menjemput guru-guru dari luar yang dicadangkan oleh pihak pengurusan pondok agar sesi pembelajaran nampak lebih menarik.

CADANGAN PEMERKASAAN PROGRAM PENDIDIKAN WARGA EMAS DI PONDOK

Terdapat beberapa cadangan untuk memperkasakan program pendidikan warga emas di pondok-pondok antaranya adalah seperti berikut:

1. Menyediakan Model Program Pendidikan Warga Emas mengikut Keperluan dan Tahap Penerimaan warga emas
2. Mengadakan Penyelarasan dan Jaringan Institusi Pondok yang menawarkan program pendidikan terhadap warga emas.
3. Melancarkan kempen kesedaran kepentingan dan manfaat program pendidikan warga emas di pondok.

KESIMPULAN

Secara umumnya disimpulkan bahawa tujuan golongan warga emas berhijrah ke pondok al-Jenderami bertujuan mendekatkan diri dengan Allah SWT, menimba ilmu sebagai bekalan akhirat serta memenuhi kehidupan dengan amal ibadah. Mata pelajaran utama warga emas di pondok tauhid, fekah, al-Quran, tajwid yang berteraskan ilmu tasawuf. Kaedah pengajaran warga emas di pondok adalah mengikut tahap dan keadaan warga emas iaitu dilaksanakan secara beransur-ansur, tidak memberatkan, memastikan ilmu yang dipelajari diamalkan oleh warga emas, menekankan tarbiyyah rohani, menekankan pembersihan hati serta amalan wirid, pendidikan secara langsung daripada tok guru, mengaplikasi komunikasi dua hala, kaedah pengulangan, membaca dan membuat huraian kitab kuning, menunjukkan kaedah pelaksanaan

ilmu yang dipelajari, pemilihan bahasa yang mudah difahami dan mempelajari mata pelajaran berlainan setiap hari, menyampaikan dengan suara yang jelas dan disertakan contoh bagi topik dibincangkan agar warga emas dapat memahami pengajian tersebut. Semua pengajian dilaksanakan mengikut jadual harian dan mata pelajaran yang ditentukan pada setiap hari. Pengajaran warga emas di pondok ini dilaksanakan secara teori dan amali.

RUJUKAN

Che Leman Bin Hamzah. (1996). *Warga Tua Di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Persara-Pesara Kerajaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor Darul Ehsan*. Laporan Penyelidikan Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya; Kuala Lumpur.

Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2013). *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan*. *Jurnal Islamiyyat*, 35(1), 20-21.

Mariam Abd. Majid. (1996). *Kehidupan Orang-orang Tua di Pondok: Satu Kajian di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda Fakulti Usuluddin, Universiti Malaysia, Malaysia.

Norafzan Binti Awang. (2008). *Analisis Kualiti Hidup Warga Tua Persisir Pantai Negeri Terengganu*. Tesis Sarjana Sains, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu; Terengganu.

Singh. A & Misra N. (2009). *Loneliness, Depression And Sociability In Old Age*. *Industrial Psychiatry Journal*. 18(1), 51–55.

Syed Abdul Razak & Mustafa Oma. (2013). *Pengalaman Perubahan Keluarga Dan Tingkat Fertiliti Di Sabah, Sarawak Dan Semenanjung Malaysia: Satu Analisis Dari Aspek Demografi*. *Borneo Research Journal*, University Of Malaya

TENTANG PENULIS

Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid, berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin, Sarjana Usuluddin dan Doktor Falsafah (Metodologi Dakwah) Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Usuluddin, Psikologi Dakwah, Pemasaran Dakwah dan Dakwah Saudara Baru. Beliau kini adalah Dekan di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Sahlawati Abu Bakar, berkelulusan Sarjana Muda Muda Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Pengajian al-Quran dan Sunnah, memiliki Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau ialah Ulum al-Quran dan Tafsir Usuluddin, Beliau sekarang adalah pensyarah di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Safinah Binti Ismail, berkelulusan Sarjana Muda Muda Syariah di Mansurah, Mesir, memiliki Sarjana dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau ialah dakwah, tokoh-tokoh masyhur Islam dan gerakan dakwah.

Beliau sekarang adalah pensyarah di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Dr. Zabidi Ab. Razak, berkelulusan Sarjana Muda Muda Akademi Pengajian Islam, memiliki Sarjana dalam bidang pendidikan (Perancangan & Pentadbiran) Universiti Malaya. Kemudian beliau melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Massey, New Zealand. Bidang kepakaran beliau ialah kepimpinan dan pengurusan pendidikan, pengurusan sumber manusia dalam pendidikan dan kepimpinan organisasi. Beliau sekarang adalah Timbalan Dekan Pembangunan dan Penyelidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.